

16 JUN 2003

Umno-Tubuh

JAWATANKUASA HAL EHWAL PELAJAR UMNO WUJUDKAN SISTEM ZON

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri Majlis Tertinggi Umno akan mewujudkan sistem zon dan penubuhan Badan Perhubungan Kelab Umno Luar Negara di 14 buah negara.

Pengerusi jawatankuasa itu merangkap pengerusi Kelab Umno Luar Negara, Datuk Sahfie Afdal berkata cadangan menubuhkan badan perhubungan itu bagi menyelaraskan aktiviti kelab dan mengelak pertindahan aktiviti.

"Dari 14 buah negara ini, kita akan wujudkan lima zon utama yang akan menyelaraskan aktiviti di zon masing-masing dan kita akan letakkan lima ahli Majlis Tertinggi Umno di setiap zon bagi mereka menerangkan perkembangan semasa negara dan juga dasar-dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan malam dan sesi dialong bersama 41 perwakilan dari 44 Kelab Umno Luar Negara di sini hari ini.

Katanya, Seketeriat Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Pelajar Luar Negara yang akan dirasmikan penubuhannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Rabu ini pula akan bertindak memantau perkembangan di kelima-lima zon itu.

Lima zon utama itu, katanya akan berpusat di London, Mesir, New Zeland, Jakarta dan Jepun.

"Secara langsung dengan penubuhan sekretariat dan zon ini, semua ahli Kelab Umno Luar Negara akan mengetahui perkembangan semasa negara dan aktiviti mereka juga tidak akan bertindih seperti yang lazimnya berlaku," katanya.

Bagi memudahkan penyaluran maklumat Kelab Umno Luar Negara serta jawatankuasa akan mewujudkan laman web yang juga akan mengandungi maklumat-maklumat semasa untuk kemudahan ahli.

Pelancaran laman web itu akan dirasmikan juga oleh Dr Mahathir pada Khamis ini di Pusat Perdagangan Dunia Putra sempena persidangan Umno ke-57.

--BERNAMA

NSM MUN ZB